

02/12/1998

Berani tempuhi cabaran revolusi maklumat

Hizral Tazzif Hisham

TUJUH kriteria kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mengemudi Malaysia memasuki era digital mendapat pengiktirafan Pertubuhan Industri Perkomputeran Asia Oceania (Asocio) yang menganugerahkan beliau dengan anugerah tertinggi teknologi maklumat (IT) pertubuhan berkenaan.

Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim ketika menjelaskannya, berkata Dr Mahathir menunjukkan kepemimpinan penuh berwawasan, berpandangan jauh dan berani melaksanakan apa yang sudah dirancang.

"Beliau sentiasa memastikan projek yang sudah dirancang terus dilaksanakan tanpa perlu bertangguh dan sentiasa membuat tindakan susulan untuk menentukan apa yang sudah dirancang dijalankan mengikut jadual," katanya dalam majlis makan malam sempena penganugerahan PM oleh Asocio dan Pikom Computimes.

Menurutnya, "Bagi membolehkan negara memasuki era digital kita memerlukan kepemimpinan yang boleh mengemudi Malaysia mengharungi pelbagai cubaan dalam revolusi maklumat".

Beliau berkata, "PM tidak segan silu mempelajari pelbagai aspek dalam revolusi maklumat dan sentiasa memikirkan dengan teliti keputusan atau tindakan yang bakal dibuat.

Tengku Azzman berkata, kualiti kepemimpinan yang nyata bagi Perdana Menteri ialah beliau memastikan memahami setiap subjek berkaitan IT dengan mendalam dan dapat menyampaikan idea dan pandangan dengan mudah untuk difahami.

"Beliau juga sentiasa bersedia berkongsi maklumat dan pengetahuan dengan orang lain untuk mencari yang terbaik," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom), Shaifubahrim Saleh, berkata anugerah berkenaan bagi mengiktiraf sumbangan PM dan visi beraninya untuk memanfaatkan penggunaan IT dalam semua bidang kehidupan.

"PM melahirkan visi untuk melonjak Malaysia memasuki alaf baru dengan inisiatif seperti Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (Nita)," katanya.

Asocio adalah pertubuhan yang menggalakkan penggunaan pelbagai perkara berkaitan IT dan perniagaan di kalangan 15 negara anggotanya. Antara negara anggota ialah Australia, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, New Zealand, Singapura, Taiwan dan Thailand.

Tahun ini, Malaysia menjadi tuan rumah persidangan Asocio 98 yang berlangsung di Hotel Sunway Lagoon Resort, Petaling Jaya, minggu lepas.

Tema persidangan berkenaan ialah Kerjasama Serantau Dagangan Teknologi Maklumat - Mara Ke Hadapan Melalui Masa Sukar.

Asocio 98 berjaya menghimpunkan ketua eksekutif dan pegawai kanan syarikat IT di rantau ini untuk membincangkan pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi dalam kegawatan ekonomi.

(END)